

**LEMBAGA PELABUHAN BINTULU****KENYATAAN TENDER**

Pelawaan ini adalah terbuka kepada firma perunding tempatan atau kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia untuk mengambil bahagian di dalam pelawaan seperti berikut:-

NO. RUJUKAN	BUTIR-BUTIR PELAWAAN	KOD BIDANG/ BIDANG KAJIAN	TEMPAT, TARIKH DOKUMEN MULAI DIJUAL DAN PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI	TARIKH LAWATAN TAPAK DAN PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI	SYARAT UTAMA PELAWAAN	TARIKH BUKA & TUTUP DAN WAKTU TENDER TUTUP
LPB/2019/T05	TENDER MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MIGRASI, MENGKONFIGURASI, MENGUJI DAN MENTAULIAH PERKAKASAN DAN PERISIAN BAHARU PUSAT DATA LEMBAGA PELABUHAN BINTULU	210102 : <i>HARDWARE (HIGH END TECHNOLOGY)</i>	SEKSYEN KEWANGAN ARAS 9, MENARA KIDURONG, KM12, JALAN TANJUNG KIDURONG, BINTULU, SARAWAK  21 OKTOBER 2019 SEHINGGA 20 NOVEMBER 2019  NO. UNTUK DIHUBUNGI:  URUS SETIA PEROLEHAN 086-232822 / 086- 232872	WAJIB  TARIKH 24 sehingga 30 OKTOBER 2019  MASA 10.00 pagi- 04.00 Petang  PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI  EN. AZMAT BIN ANNUAR 086-232887/ 019-8877487  EN. IRDAM BIN SYARIPUDDIN 086-232226/ 016-5258680	KONTRAKTOR HENDAKLAH BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DI BAWAH KOD BIDANG YANG DITETAPKAN.	TARIKH BUKA 18 OKTOBER 2019  TARIKH TUTUP 20 NOVEMBER 2019 JAM 12.00 TENGAHARI

1. Syarat-syarat, Arahan dan Maklumat lanjut mengenai pelawaan ini adalah dijelaskan di dalam Dokumen Tender.
2. Petender-petender yang ingin menyertai tender hendaklah membeli Dokumen Tender di Lembaga Pelabuhan Bintulu dalam tempoh iklan dan di alamat yang dinyatakan di bawah.
3. Dokumen Tender boleh diperolehi dengan bayaran sebanyak **RM50.00/set** sahaja.
4. Bayaran bagi Dokumen Tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau kiriman wang pos (*money order*) atau wang kiriman pos berpaling (*postal order*), dan dibayar atas nama **BINTULU PORT AUTHORITY**. Bayaran melalui wang tunai dan cek adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
5. Satu petender hanya dibenarkan membeli satu (1) Dokumen Tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja. **TAWARAN ALTERNATIF ADALAH TIDAK DIBENARKAN**.
6. Semasa pendaftaran, petender-petender hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL** (untuk pengesahan) dan **SALINAN FOTOSTAT** (tidak dikembalikan) Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah dan berkuatkuasa.
7. Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Petender dikehendaki membawa bersama **Cop Rasmi** syarikat.
8. Kesemua Dokumen Tender hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul bersaiz besar/kotak yang berlakri (*sealed*). Sampul/kotak berkenaan hendaklah ditulis seperti berikut:-

Nombor Tender : LPB/2019/T05

TENDER MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MIGRASI, MENGKONFIGURASI, MENGUJI DAN MENTAULIAH PERKAKASAN DAN PERISIAN BAHARU  
PUSAT DATA LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

Pengurus Besar  
Lembaga Pelabuhan Bintulu  
Aras 9, Seksyen Kewangan, Menara Kidurong  
KM12, Jalan Tanjung Kidurong, Bintulu, Sarawak

**Tawaran tender hendaklah dihantar sebelum atau pada 20 November 2019 jam 12.00 tengahari** sebelum atau pada tarikh tutup tender seperti yang tertera dalam jadual di atas.

9. Tawaran tender tidak akan dipertimbangkan sekiranya:-
  - (a) Petender **LEWAT** mengemukakan tawaran tender; dan
  - (b) Petender **GAGAL** mengemukakan dokumen wajib seperti yang dinyatakan dalam Dokumen dan Borang Tender; dan
  - (c) Petender **GAGAL** hadir lawatan tapak.
10. **Lembaga Pelabuhan Bintulu tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.**
11. Lembaga Pelabuhan Bintulu tidak bertanggungjawab untuk membayar apa-apa perbelanjaan dan kerugian yang mungkin ditanggung oleh petender semasa menyediakan dan menghantar tender.
12. Iklan tender ini juga boleh dirujuk di laman web Lembaga Pelabuhan Bintulu di alamat <http://www.bpa.gov.my>.